



30 Disember 2025  
30 December 2025  
P.U. (A) 469

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN  
DALAM TALIAN (BENTUK AKU JANJI) 2025

*ONLINE SAFETY (FORM OF UNDERTAKING)  
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM TALIAN (BENTUK AKU JANJI) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 81(2)(h) Akta Keselamatan dalam Talian 2025 [*Akta 866*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Keselamatan dalam Talian (Bentuk Aku Janji) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

**Bentuk aku janji**

2. Bentuk aku janji yang ditetapkan bagi maksud subseksyen 36(1) Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

BORANG AKU JANJI  
[Peraturan 2]

AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025  
[Perenggan 81(2)(h)]

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM TALIAN (BENTUK AKU JANJI) 2025

AKU JANJI OLEH PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI BERLESEN/  
PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI KANDUNGAN BERLESEN\*

Kepada:

Pengerusi

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

.....  
.....  
.....  
.....

Daripada:

(Nama pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/  
pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen)

(No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan\*.)

(Alamat Berdaftar)

Saya, ..... (nama pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen) dengan ini mengakui saya memahami dan mengambil maklum kewajipan yang dinyatakan di bawah Bahagian III Akta Keselamatan dalam Talian 2025 [*Akta 866*], dan sebagai pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen\* ..... (nama pemberi

perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen) akan mematuhi kewajipan tersebut dengan sepenuhnya.

Bagi maksud subseksyen 36(1) Akta Keselamatan dalam Talian 2025 [Akta 866], ..... (nama pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen) dengan ini memberi aku janji yang tidak bersyarat dan tidak boleh dibatalkan untuk mematuhi kewajipan seperti yang berikut:

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Tindakan yang akan diambil bagi memastikan pematuhan kewajipan tersebut
1.	Kewajipan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada kandungan memudaratkan	
2.	Kewajipan untuk mengeluarkan garis panduan kepada pengguna	
3.	Kewajipan untuk membolehkan pengguna mengurus keselamatan dalam talian	
4.	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi pelaporan kandungan memudaratkan tersedia	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Tindakan yang akan diambil bagi memastikan pematuhan kewajipan tersebut
5.	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi bantuan pengguna tersedia	
6.	Kewajipan untuk melindungi keselamatan dalam talian pengguna kanak-kanak	
7.	Kewajipan untuk mengadakan mekanisme bagi menjadikan kandungan memudaratkan prioriti tidak dapat diakses	
8.	Kewajipan untuk menyediakan Pelan Keselamatan dalam Talian	

Berhubung dengan perkara di atas, .....  
 (nama pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen) dengan ini mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan dalam Borang Aku Janji ini adalah benar dan tepat dan mengambil maklum bahawa tindakan boleh diambil di bawah Akta jika maklumat yang diberikan adalah palsu atau mengelirukan.

Penandatanganan di bawah adalah diberi kuasa untuk membuat aku janji ini bagi pihak ..... (nama pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen):

.....  
Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

---

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

*\*\*Borang Aku Janji ini hendaklah ditandatangani dan dimeterai dengan cop rasmi pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen/pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen*

Dibuat 29 Disember 2025

[KKD.PUU.(S).100-1/2/20; PN(PU2)777]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
*Menteri Komunikasi*

ONLINE SAFETY ACT 2025

ONLINE SAFETY (FORM OF UNDERTAKING) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 81(2)(h) of the Online Safety Act 2025 [Act 866], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Online Safety (Form of Undertaking) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2026.

**Form of undertaking**

2. The prescribed form of undertaking for the purposes of subsection 36(1) of the Act is as specified in the Schedule.

SCHEDULE

FORM OF UNDERTAKING  
[Regulation 2]

ONLINE SAFETY ACT 2025  
[Paragraph 81(2)(h)]

ONLINE SAFETY (FORM OF UNDERTAKING) REGULATIONS 2025

UNDERTAKING BY LICENSED APPLICATIONS SERVICE PROVIDER/  
LICENSED CONTENT APPLICATIONS SERVICE PROVIDER\*

To:

Chairman  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
.....  
.....  
.....  
.....

From:

(Name of licensed applications service provider/  
licensed content applications service provider)  
(Company/Business\* Registration No.:)  
(Registered Address)

I, ..... (name of licensed applications service provider/licensed content applications service provider) hereby declares that I understand and acknowledge the duties specified under Part III of the Online Safety Act 2025 [Act 866], and as a licensed applications service provider/licensed content applications service provider\*, ..... (name of licensed applications

service provider/licensed content applications service provider) shall fully comply with the said duties.

For the purposes of subsection 36(1) of the Online Safety Act 2025 [Act 866],  
 ..... (name of licensed applications service provider/licensed content applications service provider) hereby provides an unconditional and irrevocable undertaking to comply with the duties as follows:

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Actions to be taken to ensure compliance with the said duties
1.	Duty to implement measures to mitigate risk of exposure to harmful content	
2.	Duty to issue guidelines to user	
3.	Duty to enable user to manage online safety	
4.	Duty to make available mechanism for reporting harmful content	
5.	Duty to make available mechanism for user assistance	
6.	Duty to protect online safety of child user	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Actions to be taken to ensure compliance with the said duties
7.	Duty to establish mechanism for making priority harmful content inaccessible	
8.	Duty to prepare Online Safety Plan	

In relation to the above matter, .....  
 (name of licensed applications service provider/licensed content applications service provider) hereby declares that all information provided in this Form of Undertaking is true and accurate and acknowledges that action may be taken under the Act if the information provided is false or misleading.

The undersigned is duly authorized to make this undertaking on behalf of ..... (name of licensed applications service provider/licensed content applications service provider):

.....

Name:

Designation:

Company Stamp:

---

*\*Delete whichever is not applicable*

*\*\*This Form of Undertaking shall be signed and affixed with an official stamp of the licensed applications service provider/licensed content applications service provider*

Made 29 December 2025

[KKD.PUU.(S).100-1/2/20; PN(PU2)777]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
 Minister of Communications